SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
BILANGAN: 01/2014

بسم الله الر حيم
اسلا عليكم ورحمة الله وبركاته

Kepada:
Syarikat-Syarikat dan Badan-Badan Korporat,
di dalam Industri Minyak dan Gas
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Per: **TEMPOH PERALIHAN BAGI PERLAKSANAAN *WORKPLACE SAFETY AND HEALTH (FACILITIES) (CONTROL OF MAJOR ACCIDENT HAZARDS) REGULATIONS 2013***

Adalah dengan ini dimaklumkan kepada orang ramai khususnya para majikan dan pekerja yang terlibat dalam Industri Minyak dan Gas bahawa ***Workplace Safety and Health (Facilities) (Control of Major Accident Hazards) Regulations 2013*** **(COMAH)**, dimana ianya bernaung dibawah, Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009 (*Workplace Safety and Health Order 2009*) telahpun berkuatkuasa mulai **29 Safar 1435 / 1 Januari 2014**.

Untuk makluman, Peraturan COMAH mengenakan undang-undang ***safety case*** bagi kesemua ***facilities*** di Negara Brunei Darussalam yang mana *safety case* ini perlu dihadapkan dan diteliti oleh pegawai-pegawai yang diberi kuasa sebelum *facilities* tersebut diberi kebenaran untuk beroperasi seperi biasa.

Walaubagaimanapun, bagi menjalankan Peraturan ini dengan cekap dan teratur, syarikat-syarikat yang mempunyai ***facilities*** dan **Operasi Gabungan (*Combined Operations*)** yang sedia ada di Negara Brunei Darussalam diberi kebenaran untuk beroperasi tanpa *safety case* sehingga tarikh-tarikh yang dinyatakan. Sehubungan dengan ini, syarikat-syarikat akan diberi tempoh peralihan (*grace period)* untuk menghadapkan *safety case* bagi ***facilities*** selewat-lewatnya pada **2 Rejab 1435 / 31 Mei 2014** seperti yang dinyatakan dalam **Peraturan 9(e), 13(1), 14 (1) dan 16 (1)** dibawah Peraturan COMAH. Sehubungan dengan ini, dimaklumkan kepada syarikat-

syarikat yang terlibat dalam **Operasi Gabungan (*Combine Operations)*** untuk menghadapakan *safety case* selewat-lewatnya pada **9 Safar 1436 / 31 Disember 2014**. Setelah *safety case* diteliti, seperti lazimnya syarikat-syarikat akan dimaklumkan tentang hasil dari kajian *safety case* tersebut.

Dalam pada itu, dimaklumkan mana-mana syarikat yang gagal untuk menghadapkan *safety case* seperti yang dikehendaki sebelum atau pada tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah dianggap melakukan kesalahan berdasarkan **Peraturan 6(1)** dibawah Peraturan COMAH.

Dalam menyelaras tindakan-tindakan dan langkah-langkah bagi perlaksanaan dan penguatkuasaan Peraturan COMAH, adalah diharapkan kerjasama daripada syarikat-syarikat untuk menghadapakan *safety case* bagi *facilities* dan Operasi Gabungan (*Combined Operations*) terus kepada:

SAFETY CASE
Hjh Suhana binti Haji Md. Daud
Health, Safety, Security and Environment
Energy Department Prime Minister's Office,
Jalan Perdana Menteri, BB3910,
Negara Brunei Darussalam

Email: **suhana.daud@energy.gov.bn** atau **jasrin.serudin@energy.gov.bn**

Sekian disampaikan.

Dengan hormat,

[**HAJI RANI BIN BPSK DSS HAJI MOHD YUSOF**]
Pemangku Pesuruhjaya Buruh
Selaku Pesuruhjaya Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja
Negara Brunei Darussalam
Tarikh: 20 Jamadilawal 1435H / 22 Mac 2014M
Ruj. Fail: PJB/3000/40 Pt. 2
s.k.: PJB/2004/4/2 J.2

dkt/2014/suratpemberitahuan